

28 MAY 2002

Mahathir-Pope (Bergambar)

PM AKAN BINCANG ISU PALESTIN APABILA BERTEMU POPE

KUALA LUMPUR, 28 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau akan antara lain membangkitkan isu Palestin apabila bertemu dengan Pope John Paul II di Vatican City bulan depan.

Beliau berkata masalah Palestin bukan sahaja melibatkan orang Islam tetapi juga orang Kristian.

"Gereja mereka turut dikepung sehingga susah mereka hendak menjalankan ibadat," kata beliau kepada pemberita selepas melakukan upacara pecah tanah Pusat Komuniti Bakti Bukit Kiara di sini.

Dr Mahathir ditanya apakah isu-isu yang akan dibangkitkannya apabila bertemu dengan pemimpin tertinggi Katolik itu nanti.

Perdana Menteri berkata beliau sudah lama menerima jemputan berkenaan dan akan memaklukkannya kepada jemaah menteri pada mesyuarat Kabinet esok.

Beliau dijangka menemui Pope semasa lawatan kerja ke Switzerland dan Luxembourg dari 9 hingga 12 Jun ini.

Mengenai sambutan baik Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mengenai pertemuan itu, Dr Mahathir berkata beliau bersyukur kerana perkara itu tidak dijadikan isu politik.

Katanya: "Lawatan itu bukan untuk tujuan politik tetapi untuk menolong orang Palestin dan umat Islam keseluruhannya."

Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan semalam dilaporkan berkata pertemuan itu wajar disambut baik kerana ia membolehkan pemimpin agama Kristian itu mendengar penjelasan mengenai pendirian Islam dan Malaysia berhubung keganasan yang berlaku di Afghanistan dan Palestin.

Pusat komuniti yang terletak di tapak seluas 0.8 hektar itu akan menempatkan satu blok bangunan empat tingkat dan dua blok bangunan dua tingkat. Ia dijangka siap 12 bulan dari sekarang.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali selaku Yang Dipertua Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) serta isteri-isteri menteri dan timbalan menteri.

-- BERNAMA

HM MAM RHM